

TATAKELAKUAN KONE

Integriti dalam segala perkara yang kita lakukan

Isi Kandungan

Mesej daripada Presiden dan CEO kita	3
Tujuan dan skop	4
Kita menjalankan perniagaan secara adil dan beretika	6
Konflik Kepentingan	7
Rasuah	9
Pematuhan Persaingan	11
Pematuhan Perdagangan	13
Kita bertindak dengan prihatin dan hormat-menghormati	15
Kesejahteraan Tempat Kerja	16
Kesihatan dan Keselamatan	18
Pematuhan Alam Sekitar	20
Hak Asasi Manusia	22
Privasi	24
Kita menghormati jenama dan aset kita	26
Penipuan dan Kecurian	27
Keselamatan Siber	29
Harta Intelektual dan Kerahsiaan	31
Komunikasi Luar	33
Perdagangan dalaman	35
Bersuara dan kemukakan kebimbangan	37
Membuat keputusan secara beretika	38



Mesej daripada Presiden dan CEO kita



Rakan Sekerja yang Dihormati,

Integriti dan kelakuan beretika telah menjadi faktor utama dalam kejayaan KONE selama ini. Ia menjadi asas cara kita bekerjasama dengan pelanggan, pasukan dan rakan niaga kita di seluruh dunia.

Bersama dengan nilai Prihatin, Pelanggan, Kerjasama dan Keberanian kita, integriti dalam cara kita bekerja telah menjadi sumber kekuatan dan kelebihan daya saing. Di KONE, setiap daripada kita memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan dan membangunkan budaya syarikat yang kukuh. Akhirnya inilah cara kita meningkatkan prestasi kita, memberi inspirasi kepada mereka di sekeliling kita dan mencapai strategi kita.

Beroperasi secara beretika dan dengan integriti dalam semua perkara yang kita lakukan adalah sama penting dengan prestasi yang hebat. Dengan ini, saya memperkenalkan Tatakelakuan KONE yang telah dikemas kini yang akan menjadi asas kepada kita apabila membuat keputusan harian dan membantu kami bekerja mengikut amalan perniagaan yang beretika.

Tatakelakuan yang telah dikemas kini memberi tumpuan kepada kepelbagaian dan keterangkuman, memperkembangkan panduan tentang penipuan, rasuah dan persaingan adil, serta bahagian baharu yang menangani hak asasi manusia. Tatakelakuan menyokong komitmen kita terhadap persekitaran yang inklusif, yang membuat setiap orang berasa dihargai dan mempunyai keberanian untuk menjadi diri mereka. Oleh itu, ia adalah penting untuk anda bersuara atau menghubungi pengurus anda sekiranya anda percaya bahawa terdapat pelanggaran Tatakelakuan. Ia adalah perkara yang paling betul untuk dilakukan.

Saya amat bangga dengan komitmen setiap orang terhadap budaya dan reputasi kita. Dengan terus menjalankan perniagaan kita secara berintegriti dan dengan sikap yang beretika, kita akan mencipta masa depan yang lebih cerah untuk pelanggan kita, syarikat kita dan generasi akan datang.

Henrik Ehrnrooth

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)



Tujuan dan skop

Tujuan

Tatakelakuan kami berfungsi sebagai satu set prinsip panduan yang membantu kami untuk membuat keputusan yang betul dalam menjalankan tugasan harian kami tidak kira di mana kami berada. Kami tahu bahawa menjalankan perniagaan dengan adil, jujur dan berintegriti mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan membentuk kepercayaan dengan pelanggan dan rakan perniagaan kami.

Tatakelakuan ini membantu kita bertindak dengan cara yang sebanding, dengan menetapkan tingkah laku yang bertanggungjawab dan beretika yang diharapkan daripada pekerja dan syarikat KONE.

KONE adalah komited untuk mematuhi dengan sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Tatakelakuan ini bukan untuk menggantikan atau mengesampingkan undang-undang dan peraturan tempatan.

KONE peka kepada norma dan amalan budaya negara di mana kita beroperasi. Namun, jika norma dan amalan itu bercanggah dengan Tatakelakuan ini, pekerja mesti mematuhi Tatakelakuan ini.

Skop

Tatakelakuan ini diterima pakai kepada semua pengarah, pegawai, pengurus dan pekerja KONE di seluruh dunia dan merangkumi semua anak syarikat, cawangan dan entiti-entiti lain yang KONE mempunyai kawalan pengurusan.

Terpulang kepada kita untuk membaca, memahami dan mematuhi Tatakelakuan dan polisi yang berkaitan.

Pelanggaran Tatakelakuan boleh mengakibatkan tindakan tatatertib termasuk pembuangan kerja.




Tanggungjawab bermula daripada anda

Terdapat beberapa tanggungjawab yang kita kongsi bersama:

- ✓ Bertindak dengan integriti
- ✓ Baca dan faham Tatakelakuan
- ✓ Elakkan kelakuan yang melanggar undang-undang atau yang boleh merosakkan reputasi KONE.
- ✓ Mengutarakan kebimbangan dan bertanya soalan apabila ada yang tidak kena.

Apabila semua individu mengamalkan pemikiran kepimpinan, seluruh organisasi akan berkembang maju Kita semua memainkan peranan penting untuk mewujudkan budaya tempat kerja yang sihat dan memacu perniagaan dengan integriti.

Memberitahu pengurus anda, jabatan Pematuhan, Undang-undang atau Sumber Manusia untuk membantu anda menyelesaikan masalah yang lebih sukar.



Layan rakan sekerja anda dengan baik dan hormat. Ketahui peraturan-peraturan dan bersuara jika anda rasa ada yang tidak kena.

Menjadi teladan kepada pasukan anda dan memacu budaya KONE. Pastikan diri anda dan ahli pasukan anda bertanggungjawab untuk bertindak mengikut Tatakelakuan. Mainkan peranan penting untuk menjawab soalan dan menyelesaikan atau mengemukakan masalah dengan sewajarnya.

Pematuhan ialah tanggungjawab semua. Dengan terus bertindak secara berintegriti, kita dapat mencapai kejayaan perniagaan yang berpanjangan dengan pelanggan kita.


Kita menjalankan perniagaan secara adil dan beretika

Konflik Kepentingan



Gambaran Keseluruhan

Apakah itu konflik kepentingan?

Konflik kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi kita bertentangan dengan tanggungjawab kerja kita atau kepentingan KONE.

Kami sentiasa bertindak dengan mengutamakan kepentingan KONE dan mengelakkan semua konflik kepentingan. Kita tidak membenarkan kepentingan peribadi kita mempengaruhi apa-apa keputusan perniagaan yang kita buat bagi pihak KONE.

Kita mendedahkan sebarang konflik kepentingan sebenar atau berpotensi kepada pengurus kita, jabatan Sumber Manusia, Undang-undang atau Pematuhan.

Apakah yang perlu anda tahu?

Kita melindungi kepentingan KONE dan reputasi individu kita sendiri dengan mengenal pasti dan mengawal konflik kepentingan sebenar dan berpotensi. Ini boleh mengelakkan kita daripada situasi yang boleh membangkitkan pertikaian niat dan/atau kesetiaan kita.

Kita tahu...

- ✓ Pada waktu bekerja, kita diharapkan untuk menumpukan usaha kita sepenuh masa pada perniagaan KONE. Sebarang aktiviti sekunder, aktiviti peribadi yang boleh menjejaskan kepentingan KONE secara negatif harus dielakkan.
- ✓ Proses kita, seperti pengambilan pekerja dan pembelian, adalah adil dan saksama. Ini juga bermakna keputusan yang dibuat oleh kita tidak dipengaruhi oleh hubungan peribadi.

Sebagai seorang pekerja...

Saya membuat keputusan berdasarkan kepentingan KONE. Saya mesti melaporkan apa-apa konflik yang berpotensi atau sebenar kepada pengurus saya, jabatan Sumber Manusia, Undang-undang atau Pematuhan.

Sebagai seorang pengurus...

Saya bertanggungjawab untuk memastikan konflik kepentingan yang berpotensi dikawal dan tindakan yang sewajarnya diambil untuk menyelesaikan apa-apa konflik, dengan bantuan jabatan Sumber Manusia Undang-undang atau Pematuhan, sekiranya perlu.

Tanda amaran

Penting untuk mengenal konflik yang berpotensi apabila anda membau sesuatu dan untuk melaporkan konflik tersebut.

Contoh situasi yang memerlukan pendedahan termasuk:

- Anda bercadang untuk melakukan pekerjaan lain selain KONE.
- Anda bercadang untuk menjadi ahli lembaga pengarah di syarikat pesaing, pembekal atau syarikat rakan kongsi KONE.
- Anda menyediakan perkhidmatan, di luar peranan anda sebagai pekerja KONE, kepada pesaing atau pembekal yang dicadangkan atau pembekal semasa atau pelanggan KONE.
- Anda atau ahli keluarga anda adalah seorang pekerja atau pemilik atau mempunyai kepentingan yang signifikan di syarikat pesaing atau syarikat yang menjalankan perniagaan dengan KONE atau syarikat ingin menjalankan perniagaan dengan KONE.
- Anda menggunakan kedudukan anda di KONE atau menggunakan maklumat sulit KONE untuk mencapai kepentingan peribadi anda, rakan anda atau ahli keluarga anda.
- Anda mempunyai hubungan peribadi atau hubungan kekeluargaan secara langsung atau tidak langsung dengan pengurus atau anak bawahan anda.
- Anda mengambil bahagian untuk rekrut ahli keluarga atau rakan anda.

Ahli keluarga atau hubungan keluarga merujuk kepada ibu atau bapa, suami atau isteri, pasangan, anak, adik beradik, sepupu, bapa atau ibu saudara pekerja KONE.

Rasuah



Gambaran Keseluruhan

Kami tidak terlibat dengan kegiatan perniagaan yang tidak wajar atau kegiatan rasuah dengan mana-mana pihak ketiga, termasuk pelanggan, ejen, pengedar, pembekal dan subkontraktor.

Kita menjalankan usaha wajar yang sesuai untuk mengenali semua pihak ketiga yang berurusan dengan kita.

Kita tidak membayar atau menerima rasuah atau wang sogokan. Kita juga tidak membuat bayaran fasilitasi (bayaran tidak rasmi atau manfaat tidak rasmi yang diberikan kepada pegawai awam untuk mendapatkan kelulusan/permit atau memudahkan transaksi atau aktiviti perniagaan).

Kita memastikan bahawa apa-apa hadiah atau hospitaliti korporat yang ditawarkan atau diterima daripada pihak ketiga adalah sederhana, berpatutan dan mematuhi undang-undang dan peraturan syarikat kita.

Apabila kita berurusan dengan pengawal selia dan pegawai awam, kita mengikuti piawaian etika yang tinggi dan bertindak mengikut semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Kita tidak memberi apa-apa sumbangan politik dan kita memastikan bahawa semua derma dan tajaan adalah bersesuaian dan diluluskan mengikut peraturan syarikat kita.

Kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengubahan wang haram, pembiayaan pengganas dan pengelakan cukai.

Apakah yang perlu anda tahu?

Apakah itu rasuah?

Rasuah ialah pembayaran, hadiah, bantuan atau apa sahaja yang bernilai yang ditawarkan atau diberikan dengan tujuan mendapat kelebihan yang tidak adil.

Menawarkan, meminta atau menerima rasuah adalah dilarang sama sekali di KONE.

Untuk memastikan bahawa hadiah, hospitaliti korporat, tajaan dan derma tidak dianggap sebagai rasuah yang berpotensi, kita sentiasa memastikan bahawa ia mempunyai tujuan perniagaan yang sah, wajar dan diluluskan mengikut polisi dan peraturan syarikat kita.

Kita menolak apa-apa permintaan atau tawaran pembayaran, hadiah atau bantuan yang tidak wajar dan melaporkan perkara itu dengan segera kepada jabatan Undang-undang atau Pematuhan.

- ✓ Pegawai awam seperti wakil kerajaan atau pekerja-pekerja di agensi awam atau syarikat milik kerajaan adalah tertakluk pada peraturan anti-rasuah yang lebih ketat. Oleh itu, kita perlu memberi lebih perhatian ketika berurusan dengan mereka.
- ✓ Kita tidak membayar atau menawarkan manfaat kepada pegawai awam dengan tujuan untuk cuba mempengaruhi mereka.
- ✓ Kita tidak menggunakan premis atau acara kerja KONE untuk aktiviti atau tujuan politik.
- ✓ KONE tidak, secara langsung atau tidak langsung, menyumbang kepada dana atau sumber kempen politik, parti politik, calon politik, pegawai awam atau sekutu-sekutu mereka.

Pembekal, ejen, perunding, pengedar dan pengantara lain adalah dilarang sama sekali daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti rasuah bagi pihak kita.

Kita mengharapkan pihak-pihak ketiga tersebut juga menegakkan paras etika dan pematuhan yang sama seperti KONE dan mereka dikehendaki untuk menandatangani Tatakelakuan Pembekal/Pengedar KONE yang mana yang berkaitan atau yang setara dengannya.

Tanda amaran

Anda memerhatikan atau bekerja dengan rakan niaga yang...

Enggan untuk komit kepada Tatakelakuan Pembekal atau Pengedar kita.

Anda mengesyaki mungkin terlibat dengan amalan haram atau tidak beretika.

Menyarankan penyusunan perniagaan yang haram atau tidak beretika kepada KONE.

Tidak rela untuk berkongsi maklumat mengenai struktur korporat atau struktur pemilikan mereka.

Berusaha untuk mempengaruhi keputusan perniagaan anda sbg cth., dengan menjanjikan hadiah atau manfaat yang tidak wajar kepada anda atau KONE atau mendakwa bahawa mereka mempunyai pengaruh khas terhadap pelanggan atau pegawai kerajaan.

Aktiviti perniagaan yang mencurigakan seperti:

Seorang pelanggan meminta KONE untuk menerima bayaran daripada pihak ketiga yang KONE tidak mempunyai hubungan kontrak atau yang terletak di negara lain.

Seorang pengurus kemudahan bangunan meminta pembayaran sebagai balasan istimewa kepada KONE.

Seorang pegawai awam meminta bayaran tidak rasmi sebagai balasan untuk melepaskan unit atau alat kita daripada pihak kastam atau untuk mempercepatkan permit atau visa.

Seorang pelanggan mencadangkan pembayaran tunai kepada KONE .

Bayaran dibuat oleh KONE untuk perkhidmatan yang belum dilakukan atau barangan yang belum dihantar.

Anda diberi tekanan oleh seorang rakan sekerja, pembekal atau pelanggan untuk:

- menggunakan pihak ketiga yang khusus
- memintasi proses pemilihan dan kelulusan yang berkenaan
- rekrut seorang rakan atau ahli keluarga
- menderma kepada badan atau organisasi amal tertentu

Sumber

KONE Global Instructions on Sponsorship & Donations

Instructions on Gifts & Corporate Hospitality

Pematuhan Persaingan



Gambaran Keseluruhan

Kita menggalakkan persaingan yang adil dan sihat dalam segala perkara yang dilakukan. Kita sangat komited dan dengan semua usah, kita patuh kepada semua peraturan persaingan yang berkaitan.

Pesaing-pesaing melanggar peraturan persaingan apabila mereka menyelaraskan kelakuan mereka di pasaran (cth., menetapkan harga atau memperuntukkan pasaran).

Peraturan persaingan juga dilanggar apabila syarikat yang sangat kuat menyalahgunakan kuasa pasarannya.

Apakah yang perlu anda tahu?

Penting untuk anda memahami cara peraturan pematuhan persaingan mempengaruhi perniagaan KONE supaya anda dapat mengenali amalan perniagaan yang tidak wajar, memastikan kelakuan anda sendiri adalah mematuhi undang-undang persaingan dan mengelakkan tindakan yang melanggar persaingan yang adil.

Melanggar peraturan pematuhan persaingan boleh mengakibatkan kesan y yang sangat serius kepada KONE dan pekerja-pekerjanya. Kesan mungkin melibatkan denda yang berat, tuntutan ganti rugi sivil daripada pelanggan-pelanggan, sekatan jenayah untuk pekerja-pekerja dan kehancuran reputasi KONE.

Kami tidak pernah mengambil bahagian dalam perjanjian atau kartel antipersaingan. Kita tidak ...

- ✕ Terlibat dengan penetapan harga, bermakna kita tidak menyelaraskan harga, diskaun atau margin dengan pesaing.
- ✕ Terlibat dengan pengolahan bida, yang melibatkan koordinasi proses bida untuk menentukan terlebih dahulu bida yang menang.
- ✕ Mengambil bahagian dalam perkongsian pasaran atau perjanjian untuk memperuntukkan pelanggan atau wilayah dengan pesaing.
- ✕ Mengambil bahagian dalam perjanjian untuk mengehadkan pengeluaran, termasuk kuantiti atau kualiti produk/perkhidmatan tertentu.
- ✕ Tetapkan sebarang syarat perdagangan dengan pesaing, termasuk jaminan atau terma kontrak lain pada kontrak pelanggan.
- ✕ Bertukar-tukar maklumat komersial yang sensitif dengan pesaing, termasuk maklumat tentang pelanggan, harga, diskaun atau R&D.

- Anda mesti memastikan hubungan dengan pesaing adalah pada tahap minimum dan memastikan bahawa perbincangan dengan pesaing-pesaing dalam persatuan perdagangan atau perjumpaan yang serupa tidak menyentuh topik komersial yang sensitif .
- Anda juga mesti mengikut peraturan-peraturan khas KONE supaya tiada diskriminasi untuk jualan alat-alat ganti Alat Utama KONE. Ini adalah bagi memastikan bahawa kita mematuhi peraturan yang diterima pakai pada syarikat-syarikat yang mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran.

Tanda amaran

Anda terlibat dengan atau mendapat tahu komunikasi yang berisiko dengan pesaing. Sebagai contoh:

- Anda terdengar seorang rakan sekerja berbincang tentang harga atau terma jualan lain dengan seorang pesaing.
- Anda bertemu dengan bekas rakan sekerja KONE yang kini bekerja untuk pesaing dan mereka bertanya kepada anda tentang projek semasa dan pelanggan-pelanggan yang bekerjasama dengan anda.
- Anda terlihat e-mel daripada seorang pesaing yang merujuk kepada "projek-projek yang dipersetujui" dengan KONE.
- Anda menghadiri mesyuarat biasa bersama pesaing dan menyedari bahawa tiada agenda untuk mesyuarat itu dan tiada peguam yang hadir di mesyuarat tersebut.
- Salah seorang pesaing mencadangkan supaya KONE menyertai skim untuk menyelaraskan bida dalam proses tender untuk memastikan "setiap orang memenangi sesuatu".


Jika anda menemui tanda-tanda amaran atau kelakuan anti-persaingan lain atau anda tidak pasti cara untuk bertindak dalam situasi tertentu, sila hubungi jabatan Undang-Undang.

Sumber

Anda boleh belajar cara untuk mematuhi peraturan persaingan dengan menyemak Competition Compliance Policy, KONE yang menetapkan dan menerangkan piawaian kelakuan yang dikongsi bersama kita berkenaan dengan bidang undang-undang persaingan.

Anda juga boleh menjumpai panduan lanjut tentang cara peraturan persaingan yang mempengaruhi penjualan alat-alat ganti kita dalam Key Part Policy KONE.

Pematuhan Perdagangan



Gambaran Keseluruhan

Perniagaan kita di KONE yang bersifat global bermaksud kita perlu mematuhi banyak keperluan kastam dan kawalan eksport.

Keperluan-keperluan ini mempengaruhi pergerakan produk-produk merentasi sempadan negara, penggunaan perisian dan teknologi, pertukaran pengetahuan dan keupayaan kita untuk menjalankan perniagaan dengan pihak yang berbeza.

Kita menjalankan perniagaan kita mengikut semua undang-undang dan peraturan kastam dan kawalan eksport yang berkaitan.

Kita memastikan KONE memenuhi keperluan-keperluan pematuhan perdagangan di semua bahagian operasinya.

Apakah yang perlu anda tahu?

Kawalan eksport

Tetapkan sekatan langsung dan tidak langsung ke atas perniagaan kita melalui pihak yang disekat, negara atau rantau yang dikenakan embargo dan barangan strategik, perisian dan teknologi.

Peraturan-peraturan kastam

Tetapkan rangka kerja kawal selia import dan eksport untuk perniagaan kita dengan keperluan-keperluan prosedur dan manfaat kastam yang tersedia.

Kita patuh

dengan mengambil kira undang-undang dan peraturan-peraturan perdagangan apabila merancang atau menguruskan apa-apa transaksi perniagaan, termasuk sebagai contoh pergerakan barangan antarabangsa, perisian atau pemindahan teknologi atau transaksi kewangan yang merentasi sempadan.

Kita faham

bahawa transaksi seumpama itu mungkin dalam keadaan fizikal, seperti pergerakan barangan atau bukan dalam keadaan fizikal, seperti pemindahan data atau teknologi atau pendedahan maklumat melalui apa-apa cara atau pemudahan elektronik.

Kita pasti

bahawa semua maklumat dan dokumentasi berhubung dengan import dan eksport adalah tepat dan lengkap dengan jejak audit yang sesuai, tanpa mengambil kira kekerapan atau nilai transaksi tersebut.

Sebagai seorang pekerja...

Jika saya kurang pasti, saya akan meminta panduan daripada pasukan Pematuhan Perdagangan global dan bertanggungjawab untuk memastikan transaksi -transaksi tersebut dijalankan dengan betul.

Sebagai seorang pengurus...

Saya memastikan transaksi-transaksi perniagaan yang menjadi tanggungjawab saya, dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan pematuhan perdagangan yang berkaitan .

Tanda amaran

Perhatikan potensi pelanggaran kastam atau kawalan eksport , sebagai contoh:

- Menandatangani kontrak dengan pihak pengantara apabila konsumer produk atau perkhidmatan kita tertakluk pada peraturan sekatan.
- Sengaja mengaturkan penghantaran atau pembayaran melalui negara lain untuk mengelakkan peraturan-peraturan kawalan eksport.
- Menghantar perisian secara elektronik yang mungkin tertakluk pada kawalan eksport.
- Bertukar-tukar teknologi atau pengetahuan semasa mesyuarat dalam talian yang mungkin tertakluk pada peraturan-peraturan kawalan eksport.
- Menggunakan atau menyediakan maklumat import/eksport yang salah, sebagai contoh, pengelasan tarif atau negara asal pada perisytiharan kastam, pelabelan produk atau pembungkusan.
- Memudahkan penghantaran dengan mengubah suai dokumentasi kastam bagi mengelakkan lesen eksport/import atau keperluan-keperluan lain.
- Memperoleh cukai yang lebih rendah atau manfaat kastam berdasarkan maklumat yang tidak tepat.
- Mengisytiharkan nilai kastam yang salah atau sembarangan yang melanggar peraturan-peraturan nilai.

Sumber

Trade Compliance Policy


Kita bertindak dengan prihatin dan hormat-menghormati



Kesejahteraan Tempat Kerja

Gambaran Keseluruhan

Di KONE, setiap pekerja dilihat dan dihargai sebagai seorang individu. Kita melayan setiap orang dengan adil dan saksama dan memupuk persekitaran kerja yang saling hormat-menghormati.

Untuk mengekalkan persekitaran kerja yang membuat orang berasa selamat dan diperkasakan, kita komited kepada polisi peluang sama rata.

Kita melarang gangguan dan perbuatan membuli supaya setiap orang berasa selamat secara fizikal dan psikologi dan dapat menyelesaikan kerja mereka dengan kemampuan terbaik mereka.

Syarikat kita mengamalkan budaya menghargai dan menerap kepelbagaian dan keterangkuman di tempat kerja.

Apakah yang perlu anda tahu?

KONE tidak bertoleransi dengan apa-apa jenis diskriminasi, gangguan atau perbuatan membuli. Kelakuan ini menjejaskan prinsip kepelbagaian dan keterangkuman kita, nilai-nilai KONE dan sering melanggar undang-undang.

KONE ialah majikan yang memberikan peluang sama rata, komited untuk memastikan layanan yang sama terhadap semua individu tanpa mengira apa-apa lambang atau sifat peribadi.

Apakah itu gangguan?

Apa-apa kelakuan yang menyakitkan hati, membuli, memalukan, mengancam atau yang tidak wajar terhadap individu atau kelompok. Kelakuan yang tidak wajar boleh termasuk komen secara langsung atau tidak langsung, paparan atau gerak isyarat dan tindakan-tindakan fizikal, seksual, lisan atau elektronik.

Maklum balas prestasi yang munasabah bukan gangguan.

Apakah itu diskriminasi?

Layanan seseorang secara tidak adil atau dengan prasangka berdasarkan apa-apa sifat yang terlindung termasuk etnik, jantina, agama, kewarganegaraan, umur, status perkahwinan, kelas/kasta, orientasi seksual, identiti jantina, ketidakupayaan dan sifat-sifat lain yang terlindung.

Kita menggalakkan

kepelbagaian dan keterangkuman serta memastikan setiap pekerja KONE dilayan dengan adil oleh pihak pengurusan dan rakan-rakan sekerja.

Kita memastikan

bahawa keadaan buruh kita adalah adil dan saksama, tidak kira lokasi pekerja-pekerja kita.

Kita memastikan

semua keputusan mengenai pekerja individu, termasuk pengambilan pekerja, adalah berdasarkan merit iaitu keupayaan, kecekapan, kemahiran dan pencapaian.

Tanda amaran

Perhatikan perkara yang berikut:

- Kelakuan yang agresif atau menakutkan.
- Kecaman, seperti mengejek, menjerit atau menyakitkan hati orang lain.
- Penyebaran fitnah atau gosip.
- Lawak yang menyinggung perasaan atau komen yang tidak sesuai.
- Ajakan yang tidak wajar seperti menyentuh, gerak isyarat atau komen lucah.
- Mengecualikan orang daripada mesyuarat-mesyuarat atau e-mel yang berkaitan dengan tujuan mensabotaj kerja mereka.

Jika menghadapi diskriminasi, gangguan atau perbuatan membuli atau tidak tahu apa yang boleh dilakukan, hubungi pengurus anda, jabatan Sumber Manusia, Undang-undang atau Pematuhan.

Sumber

Lihat

KONE Statement of Diversity and Inclusion Principles

yang diterima pakai untuk semua pekerja-pekerja KONE.

Global Recruitment Policy



Kesihatan dan Keselamatan

Gambaran Keseluruhan

Objektif KONE adalah untuk memastikan pekerja-pekerja kita, rakan-rakan kongsi dan pengguna-pengguna peralatan kita pulang ke rumah dengan selamat setiap hari.

Kita mereka bentuk produk-produk dan proses-proses kita untuk memastikan prestasi keselamatan dan kesihatan kita adalah terkemuka dalam industri kita.

> Kita bekerja dengan selamat, menjaga orang lain dan menggalakkan amalan selamat secara aktif.

Apakah yang perlu anda tahu?

Di KONE, keselamatan menjadi keutamaan utama kita dan adalah teras budaya syarikat kita. Kita percaya bahawa setiap pekerja KONE dan rakan kongsi berhak mempunyai persekitaran kerja yang selamat, sihat dan berkualiti.

Kita mereka penyelesaian dan perkhidmatan kita dengan mengambil kira keselamatan berterusan pekerja-pekerja, rakan-rakan kongsi dan pengguna-pengguna peralatan kita.

Mematuhi undang-undang dan peraturan di komuniti yang kita beroperasi ialah titik permulaan kita. Kita bangga untuk mengikuti kaedah dan piawaian keselamatan kita yang kebanyakannya, adalah lebih ketat daripada keperluan undang-undang.

Kita di KONE...

- ✓ Dipertanggungjawabkan secara peribadi untuk memastikan pekerja-pekerja kita dan orang lain yang terlibat dengan kerja-kerja kita adalah selamat.
- ✓ Jangan sesekali mengorbankan kesihatan dan keselamatan untuk perniagaan atau sebab-sebab lain.
- ✓ Sentiasa menilai keselamatan tugas di tangan, menghentikan kerja jika tidak selamat, meminta sokongan atau mengambil tindakan yang perlu untuk meneruskan kerja dengan selamat. Kita melaporkan kejadian dan kejadian yang hampir berlaku dengan kadar segera.

Jika anda seorang pemimpin...

Anda bertanggungjawab untuk menyediakan kaedah kerja yang selamat dan menggalakkan kesejahteraan pasukan anda .

Tanda amaran

Tiada tugas begitu penting atau segera sehingga perlu mengkompromi kesihatan dan keselamatan.

Sentiasa mementingkan keselamatan. Menjaga rakan-rakan sekerja dan orang lain terutamanya apabila anda mendapati terdapat tanda-tanda amaran ini:

Persekitaran kerja kelihatan tidak selamat:

- Terdapat risiko jatuh dari ketinggian
- Kawasan kerja belum dilindungi dengan betul.
- Peralatan atau muatan boleh bergerak semasa melakukan tugas.
- Peralatan tidak dinyahkuasa semasa menjalankan tugas.

Anda berasa tidak selamat atau bimbang:

- Anda tidak pasti sama ada anda mempunyai alat yang betul, peralatan perlindungan peribadi dan ilmu serta latihan yang sesuai.
- Anda tidak pasti tentang kaedah dan arahan keselamatan KONE yang diterima pakai.
- Anda berasa tidak sihat untuk bekerja.

Anda fikir peraturan tidak diikuti dengan betul:

- Jalan pintas daripada kaedah yang ditetapkan kelihatan menjimatkan masa atau usaha.
- Anda diberi tekanan untuk melaksanakan tugas yang anda percaya melanggar peraturan-peraturan keselamatan.
- Anda perasan situasi yang tidak selamat, tetapi ia di luar skop kerja anda.
- Keadaan sebenar berbeza daripada yang anda jangkakan semasa merancang tugas itu .
- Anda teragak-agak untuk melaporkan insiden.

Sumber

Health and Safety Policy

Pematuhan Alam Sekitar



Gambaran Keseluruhan

Kita komited untuk melindungi alam sekitar dan menjalankan perniagaan kita dengan cara yang bertanggungjawab dan lestari dari segi alam sekitar.

Di KONE, kita ingin menjadi pemimpin dalam kelestarian dan alam sekitar merupakan salah satu daripada bidang tumpuan utama kita. Sebagai penandatangan perjanjian UN Global Compact, kami menggalakkan Matlamat Pembangunan Lestari yang diterima pakai untuk aktiviti-aktiviti kita. Kita komited kepada inisiatif cuaca Paris Pledge for Action dan menetapkan sasaran cuaca berasaskan sains untuk mengurangkan emisi gas rumah hijau kita dengan ketara.

Kita mempunyai tanggungjawab untuk mempertimbangkan impak kepada alam sekitar dalam segala perkara yang kita lakukan. Selain operasi kita sendiri, kita juga mencari jalan secara aktif untuk bekerja dengan pembekal-pembekal dan pelanggan-pelanggan kita bagi mencegah dan mengurangkan emisi gas rumah hijau dan impak bahaya lain ke atas alam sekitar.

Apakah yang perlu anda tahu?

Kita di KONE...

- ✓ Mematuhi atau mendahului semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan , menegakkan piawaian alam sekitar yang tinggi dalam semua aktiviti kita secara global dan mengenakan piawaian yang sama pada pembekal-pembekal dan rakan-rakan kongsi kita.
- ✓ Terus berusaha untuk memahami dan mengurangkan impak alam sekitar oleh produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan kita dan cara kita menjalankan perniagaan kita.
- ✓ Mengikuti dan memahami keperluan alam sekitar dalam bidang tanggungjawab individu kita dan cara mereka memberi impak pada perniagaan kita. Kita tidak memintasi apa-apa proses alam sekitar atau terlepas pandang apa-apa keperluan seumpama itu.

Anda boleh...

- Bertanggungjawab terhadap komitmen dan matlamat yang digariskan dalam Kenyataan Polisi Alam Sekitar KONE.
- Bersikap ingin tahu dan membawa topik alam sekitar ke meja rundingan dengan bertanya cara perkara itu dipertimbangkan dalam projek atau operasi tertentu – di dalam atau di luar KONE.
- Laporkan kebimbangan berkaitan dengan alam sekitar kepada pengurus anda apabila anda mendapat tahu tentang perkara itu.
- Reka dan bangunkan penyelesaian KONE mengikut keperluan yang dinyatakan di Lampiran Alam Sekitar.
- Minta secara aktif lebih banyak amalan dan penyelesaian yang lestari dari segi alam sekitar daripada rakan-rakan kongsi, pembekal-pembekal dan pelanggan-pelanggan kita.

Tanda amaran

Terdapat kegagalan untuk...

- Menangani isu keselamatan alam sekitar dengan secukupnya dalam reka bentuk, pengilangan, pemasangan atau penyelenggaraan produk-produk kita.
- Menjalankan penilaian impak alam sekitar yang diperlukan sebagai sebahagian daripada proses pembangunan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan baharu.
- Mempunyai semua permit, lesen alam sekitar yang diperlukan atau dokumentasi lain yang diperlukan bagi operasi kita, seperti pengurusan dan pelupusan sisa.

Anda perasan kelakuan yang mencurigakan daripada pembekal-pembekal seperti:

- Pembekal-pembekal memasukkan bahan larangan dalam produk-produk mereka atau bahan yang perlu dihentikan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Alam Sekitar.
- Pembekal tidak rela mendedahkan komposisi bahan yang ditawarkan dengan lengkap atau mengabaikan a keperluan alam sekitar.

Anda melihat...

- Keprihatinan alam sekitar, sebagai contoh yang berkaitan dengan keselamatan kimia dan pengurusan sisa, diabaikan supaya dapat menamatkan projek pada masanya atau dalam bajet yang ditetapkan.
- Bahan dilupuskan dengan cara yang tidak wajar di kemudahan kita atau di tapak pelanggan.
- Seorang pembekal beroperasi dengan cara yang melanggar undang-undang atau peraturan-peraturan atau keperluan KONE.

Sumber

Komitmen alam sekitar dinyatakan dalam Environmental Policy Statement KONE.

Keperluan alam sekitar untuk pembekal-pembekal kita dan kakitangan KONE dinyatakan dalam Environmental Annex KONE.

Hak Asasi Manusia



Gambaran Keseluruhan

Kita komited untuk menghormati dan menyokong piawaian buruh dan hak asasi manusia yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, termasuk yang ditetapkan dalam:

- Rang Undang-undang Antarabangsa bagi Hak Asasi Manusia
- Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
- Hak asas buruh seperti yang ditakrifkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa termasuk Pengisytiharan Prinsip Asas dan Hak di Tempat Kerja ILO.
- Garis Panduan OECD untuk Perusahaan Berbilang Negara

Sebagai penandatangan yang komited kepada United Nations Global Compact dan sepuluh prinsipnya, kita menghormati hak asasi manusia dan buruh di seluruh rantaian penghantaran kita, termasuk operasi kita, pembekal-pembekal dan rakan-rakan niaga kita sendiri.

Apakah yang perlu anda tahu?

Kita komited
untuk menegakkan hak asasi individu yang ditetapkan dalam Perisytiharan Universal Hak Asasi Manusia.

Kita mengharapkan
pembekal-pembekal dan rakan-rakan kongsi kita untuk mendukung piawaian global yang sama.

Kita memastikan
bahawa setiap pekerja mengetahui hak mereka.

Kita mengambil langkah
untuk mengurangkan implikasi buruk hak asasi manusia yang kita tahu.

Kita melarang sebarang bentuk perhambaan moden.

Ini termasuk segala bentuk buruh paksa, seperti buruh kontrak, buruh yang terikat dengan bon atau buruh penjara yang tidak memungkinkan pekerja-pekerja memilih secara bebas untuk mengambil bahagian dalam sesuatu kerja . Kita juga melarang penggunaan ancaman, keganasan, penipuan atau paksaan yang memaksa pekerja-pekerja untuk bekerja tanpa kerelaan.

Kita mengenakan piawaian yang sama untuk pembekal-pembekal dan rakan-rakan kongsi kita.

Kita melarang sebarang bentuk buruh kanak-kanak.

Kita mengikuti piawaian Pertubuhan Buruh Antarabangsa mengenai buruh kanak-kanak. Sebagai contoh, kita tidak mengambil pekerja bawah umur 15 tahun atau bawah umur persekolahan wajib tempatan, yang mana yang lebih tinggi. Jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan, umur minimum mungkin lebih rendah untuk kerja yang ringan. Umur minimum bagi kerja berbahaya adalah sentiasa 18 tahun.

Kita menegakkan hak buruh pekerja kita dan mengharapkan rakan-rakan niaga kita melakukan perkara yang sama.

Kita menghormati hak pekerja untuk membentuk dan menyertai persatuan untuk mewakili kepentingan mereka dan membuat tawaran kolektif atau secara individu.

KONE menghormati dan menghargai kebebasan setiap pekerja untuk memilih pandangan politik.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan rakan-rakan sekerja kita tidak tersinggung dengan kakitangan lain yang meluahkan pendapat politik mereka, kita memastikan premis-premis KONE dan acara-acara berkaitan kerja adalah bebas daripada aktiviti-aktiviti politik dan luahan kepercayaan politik.

KONE menghormati semua undang-undang yang berkaitan dengan penyumberan bahan konflik secara bertanggungjawab. Kita berusaha untuk memastikan produk kita tidak menyumbang kepada pemusnahan alam sekitar atau pelanggaran hak asasi manusia.

Tanda amaran

Anda perasan keadaan kerja yang membahayakan atau kelakuan yang mencurigakan...

- Melaporkan penderaan, gangguan atau keganasan seksual dan/atau fizikal di premis-premis kerja.
- Pekerja-pekerja berhadapan dengan keadaan kerja yang tidak selamat atau tidak bersih.
- Dokumen pengenalan pekerja-pekerja pembekal ditahan oleh pembekal.
- Gaji pekerja subkontrak tidak dibayar tepat pada waktunya.
- Seseorang pekerja tidak mempunyai status pekerjaan yang rasmi atau nama jawatan.
- Pekerja asing menerima gaji yang lebih rendah dan keadaan kerja yang kurang memuaskan.

Sumber

International Bill of Human Rights


ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work

KONE Sustainability Report

United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights

OECD Guidelines for Multinational Enterprises

Privasi



Gambaran Keseluruhan

KONE komited untuk melindungi data peribadi mengikut undang-undang yang berkaitan. Semua penggunaan dan pemprosesan data peribadi di KONE mestilah berlandaskan undang-undang, adil dan telus yang berkaitan dengan individu yang berkenaan.

Data Peribadi mesti dilindungi daripada penggunaan dan pendedahan tanpa kebenaran mengikut Polisi Keselamatan Maklumat KONE.

Apakah yang perlu anda tahu?

Apakah itu data peribadi?

Data peribadi adalah segala maklumat berkaitan yang boleh digunakan untuk mengenal pasti seseorang individu seperti nama, gambar, maklumat hubungan dan ID sistem atau peranti unik.

Data yang dikumpul, dirombak, digantikan dengan data olok-olok atau tanpa nama yang tidak boleh diterbalikkan, tidak lagi dianggap sebagai data peribadi.

Jika item data dapat dikaitkan semula dengan orang itu dengan menggabungkan data itu dengan data lain, ini dianggap sebagai data peribadi, walaupun item itu sendiri tidak mengenal pasti orang itu.

Data peribadi mesti dirahsiakan dan dilindungi daripada penggunaan atau pendedahan tanpa kebenaran.

Anda tidak harus sama sekali mengambil petikan data peribadi KONE atau menyalin data peribadi KONE ke mana-mana aplikasi IT peribadi atau peranti simpanan peribadi. Apa-apa pendedahan data peribadi KONE di luar KONE adalah dilarang sama sekali, melainkan terdapat perlindungan undang-undang yang mencukupi, perlindungan organisasi dan teknikal yang bersesuaian bagi memastikan data peribadi itu diproses dan dilindungi dengan cara perlindungan yang sama dengan KONE.

Kita mengumpul, mengakses dan menggunakan data peribadi hanya apabila data itu berkenaan dengan kerja kita, bagi tujuan perniagaan KONE dan/ atau untuk memenuhi kewajipan kontrak KONE atau kewajipan undang-undang.

Apabila anda mengumpulkan data peribadi bagi sesuatu tujuan penggunaan, anda tidak harus menggunakan data itu bagi apa-apa tujuan yang tidak serasi pada masa hadapan. Menukar tujuan penggunaan mungkin perlu dimaklumkan kepada individu yang berkenaan tentang tujuan baharu atau meminta kebenaran mereka untuk tujuan tersebut.

Tanda amaran

Anda melihat penyalahgunaan data peribadi seperti:

- Menggunakan data peribadi KONE bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan operasi KONE.
- Menjual atau mendedahkan data peribadi di luar KONE tanpa perjanjian berkontrak yang sewajarnya.
- Menggunakan data peribadi yang dikumpulkan untuk sesuatu tujuan pada asalnya , seperti pekerjaan, untuk tujuan lain yang tidak serasi seperti pemasaran.

Berkongsi atau menyimpan maklumat secara berisiko seperti:

- Berkongsi data peribadi dalam KONE dengan orang yang tidak perlu melihat data peribadi untuk menjalankan kerja atau tugasan mereka dengan KONE.
- Menyimpan atau berkongsi data peribadi di luar sistem IT yang diluluskan oleh KONE.
- Berkongsi data sensitif seperti maklumat kesihatan melalui e-mel yang tidak dilindungi.

Sumber

Privacy Statement

Information Security Policy

Personal Data Protection Policy



Kita menghormati jenama dan aset kita

Penipuan dan Kecurian



Gambaran Keseluruhan

Semua jenis kecurian, penipuan, penyelewengan atau penyalahgunaan aset KONE adalah dilarang. Kejujuran dan ketelusan ialah asas kepada perniagaan kita.

Kita menggunakan dana KONE dan aset-aset lain dengan sewajarnya secara bertanggungjawab dan bagi tujuan yang dimaksudkan dan yang sah.

Kita menjaga keselamatan dan melindungi semua aset KONE, termasuk inventori, peralatan, kenderaan, alat-alat ganti, data dan harta intelektual.

Semua transaksi kewangan KONE adalah berdasarkan peristiwa sebenar. Kita merekodkan peristiwa itu dengan tepat, cara yang wajar dan mengikut piawaian perakaunan KONE dan semua peraturan tempatan lain yang diterima pakai.

Laporan dan rekod kewangan dan bukan kewangan tidak mengandungi apa-apa entri atau maklumat palsu, mengelirukan atau tiruan.

Apakah yang perlu anda tahu?

Kita mencegah penipuan dan kecurian dengan cara yang berikut:

- Kita melindungi aset-aset ketara (cth. alat-alat ganti dalam gudang) dan aset-aset tidak ketara (cth. data dalam telefon atau komputer riba kita).
- Kita mengikuti polisi dan peraturan syarikat semasa menggunakan semua aset, termasuk bahan, alat, inventori dan pelupusan.
- Kita tidak menggunakan aset-aset KONE bagi tujuan peribadi.
- Kita tidak mengambil apa-apa maklumat sulit KONE dengan kita apabila kita meletak jawatan.
- Kita mengeluarkan invois dengan tepat, berdasarkan peristiwa perniagaan yang sebenar, tepat pada masanya dan mengikut terma-terma kontrak.
- Kita mengikuti Piawaian Perakaunan KONE dan memastikan pendapatan tidak terlebih nyata atau diiktiraf terlalu awal.
- Kita mengumpul akaun belum terima apabila matang dan tidak mempunyai perjanjian yang lain.
- Kita merekod dan memperuntukkan kos dengan tepat berdasarkan peristiwa perniagaan yang sebenar.
- Kita memastikan invois yang diterima adalah tepat dan kita meluluskan invois mengikut Polisi Perwakilan Kuasa dan Polisi Kelulusan Invois.
- Kita membayar balik kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengan perjalanan perniagaan mengikut Polisi Perjalanan dan tidak menyertakan apa-apa kos peribadi.

Tanda amaran

Anda perasan bahawa proses dan polisi sedang diabaikan. Sebagai contoh:

- Perniagaan dijalankan tanpa kontrak dan/atau kebenaran yang sewajarnya.
- Pendapatan tidak diiktiraf terlalu awal atau terlebih nyata.
- Proses kelulusan yang sewajarnya tidak diikuti.
- Peralatan atau kenderaan KONE sedang digunakan bagi tujuan peribadi.
- Polisi dan proses inventori dan pelupusan bahan tidak diikuti.
- Anda diminta untuk merekodkan transaksi, membukukan pesanan atau membuat pembayaran dengan tidak mematuhi kawalan kewangan dan kelulusan.
- Pendapatan atau kos telah diperuntukkan secara tidak tepat bagi memenuhi objektif.

Terdapat sesuatu yang luar biasa atau tiada maklumat dalam rekod. Sebagai contoh:

- Tiada bukti sokongan bagi entri perakaunan atau baki aset lain.
- Perbelanjaan modal, aset atau liabiliti dalam akaun kita tidak dapat diterangkan.
- Anda menerima invois daripada subkontraktor untuk perkhidmatan yang belum dibekalkan kepada kita.
- Kenyataan awam tentang hasil ujian tidak sepadan dengan data dalaman.

Sumber

Global Delegation of Authority

Global Purchasing Policy

Global Travel Policy

Keselamatan Siber



Gambaran Keseluruhan

Di KONE, kita komited kepada keselamatan siber. Menjadi tanggungjawab anda untuk bertindak dengan sewajarnya apabila menggunakan, membangunkan atau menyimpan maklumat berharga, peralatan dan aset –aset digital.

Menjadi polisi kita untuk memastikan maklumat yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan KONE dengan cekap adalah dilindungi dengan sewajarnya.

Kita membina sistem-sistem dan produk-produk mengikut prinsip-prinsip keselamatan yang ditetapkan, termasuk pengujian keselamatan sebelum dilancarkan dan pemantauan ancaman keselamatan siber dan kemudahan diserang secara siber.

Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui Polisi Keselamatan Maklumat KONE.

Apakah yang perlu anda tahu?

Aset-aset syarikat kita termasuk apa-apa peranti yang dikeluarkan oleh syarikat seperti komputer, tablet, telefon, e-mel dan aplikasi perisian.

Semua maklumat, teknologi dan alat yang anda terima daripada KONE kekal menjadi harta KONE.

Anda bertanggungjawab untuk menggunakan dan menguruskan peralatan dan teknologi dengan sewajarnya, mengikut undang-undang dan mematuhi polisi serta arahan KONE.

Apabila dibenarkan oleh undang-undang, KONE berhak memantau dan memeriksa penggunaan pekerja-pekerja terhadap peralatan dan teknologi syarikat, termasuk komunikasi.

Jika anda bertanggungjawab untuk pembangunan produk, perisian atau IT.

Ikuti garis panduan KONE untuk pembangunan yang terlindung. Pastikan kawalan keselamatan yang sewajarnya dilaksanakan di seluruh kitaran hidup pembangunan, bermula dari peringkat awal projek pembangunan.

Jika anda bekerja dengan pembekal-pembekal:

Ikuti garis-garis panduan KONE untuk keselamatan siber rantaian bekalan. Pastikan penilaian risiko keselamatan yang sesuai dijalankan dan kawalan keselamatan yang berkenaan diperuntukkan dengan sewajarnya.

Kendalikan semua maklumat dengan penjagaan yang sewajarnya bagi menghalang pendedahan tanpa kebenaran:

- ✓ Gunakan kata-kata laluan yang kuat dan lindungi kata-kata laluan anda dengan tidak memberitahu sesiapa.
- ✓ Pastikan sumber maklumat dilindungi daripada pemadaman tanpa sengaja, perisian hasad dan penggunaan atau pengubahsuaian tanpa kebenaran.
- ✓ Hanya gunakan sistem dan peralatan yang diluluskan oleh tujuan KONE bagi penyimpanan, penghantaran dan sandaran maklumat KONE.
- ✓ Hanya gunakan akaun dan e-mel kerja anda untuk menjalankan perniagaan KONE.

Tanda amaran

Pastikan akaun KONE anda selamat. JANGAN:

Kongsi kata laluan KONE atau menggunakan kata-kata laluan tersebut di mana-mana sahaja.

Cuba mengakses akaun-akaun pengguna lain atau memintas kawalan keselamatan sistem.

Guna alamat e-mel KONE anda bagi tujuan peribadi.

sambungkan peranti yang tidak dibenarkan atau tidak diketahui seperti pemacu USB atau penghala Internet ke peranti atau rangkaian dalaman KONE.

Gunakan alat kerja anda untuk menghantar atau menyimpan kandungan haram, mengganggu atau pornografi.

Lindungi maklumat KONE. JANGAN:

Kongsi atau simpan maklumat KONE dalam perkhidmatan simpanan atau media sosial peribadi.

Dedahkan atau hebahkan rahsia perdagangan atau maklumat sulit, proprietari atau sensitif KONE.

Bawa bersama anda atau guna apa-apa maklumat sulit mengenai KONE selepas anda letak jawatan.

Majukan e-mel kerja anda di luar KONE, sebagai contoh kepada e-mel peribadi anda.

Melaporkan kebimbangan keselamatan siber:

Sekiranya anda telah membuka pautan atau lampiran dalam e-mel yang meragukan atau melihat sesuatu yang pelik dalam Outlook atau komputer anda, hubungi Ask IT dengan segera melalui telefon.

Hantar e-mel yang mencurigakan bagi siasatan lanjut dengan mengklik butang pelaporan e-mel dalam Outlook.

Laporkan dengan segera apa-apa pelanggaran data atau penggodaman sistem Keselamatan Siber KONE yang disyaki di security@kone.com.

Sumber

Information Security Policy Cybersecurity Rules

Harta Intelektual dan Kerahsiaan



Gambaran Keseluruhan

Maklumat, data dan hak harta intelektual ialah aset korporat yang bernilai, yang semakin penting untuk perniagaan. Kita mengikuti amalan terbaik untuk melindungi dan penggunaan yang sewajarnya untuk aset-aset KONE seumpama itu.

Kita juga menghormati hak harta intelektual dan maklumat bukan awam orang lain dan mengendalikan maklumat seumpama itu dengan penjagaan yang sewajarnya.

Apakah yang perlu anda tahu?

Hak harta intelektual termasuk:

Paten, rahsia perdagangan, tanda dagang, hak cipta dan jenama KONE.

Aset-aset ketara lain yang kita perlu urus dan lindungi dengan berhati-hati termasuk maklumat sulit berkaitan dengan pelanggan, harga, R&D dan strategi .

Kita menggunakan amalan yang terbaik dalam melindungi, menguruskan dan mendedahkan harta intelektual dan aset-aset tidak ketara KONE. Sebagai contoh:

- ✓ Kita tidak mendedahkan maklumat sulit KONE melainkan dibenarkan untuk berbuat demikian.
- ✓ Apabila berkongsi maklumat dengan pihak ketiga, kita perlu memahami perkara yang dikongsi dan tujuannya dan kita perlu memastikan perlindungan berkontrak yang sewajarnya dan batasan penggunaan disediakan.
- ✓ Tanda dagang dan jenama adalah penting bagi perniagaan KONE, dan ini harus sentiasa digunakan mengikut Polisi Tanda Dagang, Polisi Jenama dan Garis Panduan Jenama KONE.
- ✓ Kita mengelaskan dokumen dalaman sebagai awam, dalaman, sulit atau rahsia mengikut Polisi Pentadbiran Data dan mengawal akses kepada dokumen itu dengan sewajarnya.

Kita menghormati hak harta intelektual dan maklumat bukan awam orang lain. Sebagai contoh, kita tidak memuat naik atau memuat turun bahan-bahan yang melanggar hak cipta.

Kita komit untuk menggunakan, menguruskan dan mendedahkan maklumat pihak ketiga mengikut undang-undang yang berkaitan serta berdasarkan kewajipan kontrak KONE.

Tanda amaran

Anda perlu berkongsi maklumat sulit atau proprietari KONE atau aset-aset lain dengan pihak ketiga:

- Pastikan anda mempunyai perlindungan yang sewajarnya seperti perjanjian tidak mendedahkan (NDA) atau klausa yang mengehadkan penggunaan dan pendedahan lanjut maklumat/aset-aset KONE.
- Pastikan anda memahami aset-aset KONE yang boleh anda kongsi atau tidak boleh dikongsi. Minta nasihat jika tidak pasti.
- Jangan dedahkan data sensitif seperti lukisan kilang atau R&D tanpa kebenaran yang sewajarnya.
- Jika diminta oleh pihak ketiga untuk menggunakan nama atau logo KONE sebagai rujukan, rujuk Garis Panduan Rujukan Rakan Kongsi apabila menentukan sama ada ingin memberikan kebenaran dan untuk memastikan langkah-langkah yang betul diambil.

Anda ingin berkongsi maklumat proprietari pihak ketiga dalam KONE atau dengan pihak ketiga:

- Pastikan KONE mempunyai hak untuk mendedahkan maklumat di bawah perjanjian kita dengan pemilik maklumat.

Anda berkontrak dengan pembekal-pembekal KONE:

- Pastikan KONE mendapat hak pemilikan atau pelesenan yang mencukupi kepada mana-mana perisian atau kod sumber yang diterima daripada pembekal.
- Benarkan pembekal untuk merujuk kerja mereka dengan KONE hanya mengikut Garis Panduan Rujukan Rakan Kongsi KONE.

Sumber

Data Governance Policy

KONE Partner Reference Guide

KONE Brand Policy

Trademarks, Trade Names and Domain Names Policy

KONE Brand Guidelines

Komunikasi Luar



Gambaran Keseluruhan

Dalam keadaan yang bagaimana dan apa yang kita sampaikan di luar itu sangat penting. Komunikasi yang dirancang dan disampaikan dengan baik menyokong matlamat perniagaan KONE, menyumbang kepada penglibatan dan produktiviti pekerja dan akhirnya, meningkatkan pengalaman perkhidmatan pengalaman pelanggan-pelanggan kita.

Kita komited untuk menyediakan maklumat yang tepat, tidak berat sebelah, konsisten dan terkini pada setiap masa.

Kita berkomunikasi di luar berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- Keterangkuman
- Ketepatan
- Kebenaran
- Konsistensi
- Berterus-terang

Apakah yang perlu anda tahu?

Kita pastikan maklumat didedahkan dengan sewajarnya dan privasi kekal menjadi keutamaan.

Kita membuat pendedahan maklumat syarikat dengan penuh dan yang terkini mengikut keperluan undang-undang yang berkaitan dengan KONE sebagai sebuah syarikat yang didagangkan secara awam.

Sila lihat Disclosure Guidelines untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Kita hanya bercakap bagi pihak KONE atau membuat kenyataan apabila dibenarkan berbuat demikian.

Kita tidak menggambarkan aktiviti politik atau pendapat kita sendiri sebagai aktiviti atau pendapat KONE.

Kita bersikap jujur dalam semua komunikasi luar kita, termasuk bahan pemasaran kita, dan kita tidak pernah cuba untuk mengelirukan atau membuat dakwaan palsu tentang produk, perkhidmatan atau prospek perniagaan atau kewangan kita.

Peraturan asas media sosial

- ✓ Kita tidak menerbitkan maklumat sulit, peribadi, proprietari atau maklumat komersial yang sensitif dalam talian, sama ada maklumat itu milik KONE atau pihak ketiga yang telah berkongsi maklumat itu dengan KONE.
- ✓ Jika kita menyokong produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan KONE secara awam, termasuk di media sosial, kita memastikan kita berkomunikasi dengan jelas tentang afiliasi kita dengan KONE.
- ✓ Jika kita memperkenalkan diri kita sebagai pekerja KONE di tapak media sosial, kita perlu bersopan-santun dan mematuhi KONE Social Media Policy.

Tanda amaran

Ketahui peraturan dan berhati-hati dalam situasi yang berikut:

- Anda diminta untuk mendedahkan maklumat sulit, proprietari atau maklumat komersial yang sensitif .
- Seorang penganalisis atau ahli media menghubungi anda dan meminta kenyataan atau pendapat anda tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan sesebuah syarikat.
- Anda sedang menyediakan bahan yang berkaitan dengan promosi atau pemasaran.
- Krisis telah berlaku di KONE dan anda merupakan jurucakap yang dilantik.
- Anda telah dijemput untuk bercakap di satu persidangan atau acara awam tentang bidang kepakaran anda.
- Anda membuat kenyataan kepada media tentang produk atau perkhidmatan KONE.

Sumber

Disclosure Policy

Disclosure Guidelines

Global Social Media Policy

KONE Social Media Guidelines

Global Crisis Communications Manual

Perdagangan dalaman

Gambaran Keseluruhan

Sebagai sebuah syarikat yang disenaraikan secara awam, KONE mesti mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan bursa saham yang berkaitan dengan perdagangan orang dalam. Semasa menjalankan kerja kita, kita mungkin mengetahui maklumat sulit tentang KONE, yang mungkin menjejaskan nilai instrumen kewangan KONE, seperti saham, jika didedahkan.

Anda tidak boleh menggunakan maklumat sulit semasa berdagang dalam instrumen kewangan untuk memperoleh manfaat ekonomi untuk anda atau untuk orang lain. Selain itu, maklumat sulit tidak dibenarkan untuk didedahkan kepada orang lain melainkan orang itu adalah penerima yang bertauliah.

Apa-apa tindakan yang melanggar obligasi mungkin mengakibatkan kesan yang serius, termasuk denda, sekatan pentadbiran dan denda , serta sekatan undang-undang jenayah terhadap anda.

Maklumat sulit, yang jika didedahkan secara awam mungkin menjejaskan nilai instrumen kewangan KONE atau syarikat lain, mesti dirahsiakan sehingga diterbitkan atau didapati secara umum.

Apakah yang perlu anda tahu?

Apakah itu maklumat sulit dalaman?

Maklumat dalaman merujuk kepada apa-apa maklumat yang betul yang berkaitan dengan syarikat atau sahamnya atau instrumen kewangan lain, yang belum diterbitkan atau dipaparkan secara umum kepada orang awam dan jika didedahkan kepada orang awam, mungkin mempunyai pengaruh yang signifikan kepada harga instrumen kewangan yang berkaitan.

Selain KONE, maklumat sulit dalaman juga berkaitan dengan syarikat lain atau instrumen kewangannya.

Jika anda mempunyai maklumat sulit dalaman, anda dilarang untuk:

- ✕ Menggunakan maklumat sulit dalaman, secara langsung atau tidak langsung, dalam pembelian atau penjualan instrumen kewangan bagi akaun anda sendiri atau akaun orang lain (perdagangan dalaman).
- ✕ Mengesyorkan atau menasihatkan orang lain untuk terlibat dengan perdagangan dalaman.
- ✕ Mendedahkan maklumat sulit dalaman melainkan anda dibenarkan untuk berbuat demikian.

Jika saya tidak pasti sama ada maklumat tersebut adalah maklumat sulit dalaman atau sama ada saya dibenarkan untuk mendedahkan maklumat tersebut, saya boleh mendapatkan garis panduan daripada jabatan Undang-undang atau Hubungan Pelabur-Pelabur.

Tanda amaran

Anda menemui maklumat sulit dalaman secara tidak sengaja:

- Anda dilarang untuk berkongsi apa-apa maklumat bukan awam yang berkaitan dengan KONE atau syarikat lain, dengan orang lain seperti rakan-rakan kongsi perniagaan anda, ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan yang mungkin akan menggunakan maklumat itu untuk perdagangan sekuriti. Peraturan ini diterima pakai tidak kira anda memperoleh maklumat sulit dalaman dengan sengaja atau tidak sengaja.

Seseorang meminta anda untuk memberikan nasihat perniagaan:

- Anda dilarang daripada mengesyorkan atau memberikan "tip" kepada rakan-rakan kongsi perniagaan anda, ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan anda untuk membeli atau menjual instrumen kewangan KONE atau instrumen kewangan yang lain berdasarkan maklumat yang tidak didapati secara umum.

Sumber

Lebih banyak garis panduan tersedia dalam KONE Insider Policy

Bersuara dan kemukakan kebimbangan



Kita tahu ia mungkin mengakibatkan ketidakselesaan atau tertekan untuk bersuara dan mengemukakan kebimbangan, jadi kita mengendalikan laporan-laporan dengan kerahsiaan tahap yang tinggi. Kita mahu anda berasa selamat, disokong dan didengari walaupun anda tidak pasti sama ada apa-apa salah laku telah berlaku. Anda boleh yakin kami akan bertindak secara adil dan dengan segera berdasarkan maklumat yang dikumpulkan.

KONE tidak bertoleransi dengan apa-apa bentuk pembalasan dendam terhadap mana-mana individu yang melaporkan pelanggaran Tatakelakuan dengan niat yang baik.

Cara untuk melaporkan kebimbangan pematuhan

Hubungi secara langsung:

Pengurus, Pengurusan Tempatan, Sumber Manusia atau Undang-undang

E-mel terus kepada Pematuhan:

Global: compliance@kone.com

GCN: gcn.compliance@kone.com

ENA: AmericasCompliance@kone.com

Talian Pematuhan:

Halaman Intranet Etika dan Pematuhan/Laporkan Kebimbangan

Pelanggaran data peribadi:

security@kone.com

Sumber

KONE Compliance Speak-Up Guidelines

Membuat keputusan secara beretika

Apabila anda berhadapan dengan situasi yang kelihatan sukar dan anda tidak pasti sama ada anda boleh mempercayai naluri anda, ingat 5 soalan yang menjadi panduan kita.

Soalan-soalan ini akan membantu anda membuat keputusan yang betul dengan mengambil kira kejujuran, integriti dan keadilan.

5 Soalan sebagai panduan

Jika anda tidak pasti cara untuk bertindak

✓ Jika anda menjawab Ya untuk setiap soalan, ambil langkah yang seterusnya!

1. Adakah anda berpendapat bahawa ia adalah perbuatan yang betul ?
   - YA → 2
   - TIDAK ↓
2. Adakah perkara ini mematuhi undang-undang dan peraturan?
   - YA → 3
   - TIDAK ↓
3. Adakah perkara ini mengikuti Tatakelakuan KONE, polisi dan nilai kita?
   - YA → 4
   - TIDAK ↓
4. Adakah pengurus anda akan membenarkannya?
   - YA → 5
   - TIDAK ↓
5. Adakah anda berasa selesa untuk membaca tentang tindakan anda dalam akhbar tempatan atau media sosial?
   - YA → ☆
   - TIDAK ↓

☆ Keputusan yang telah anda buat ialah keputusan yang beretika dan bertanggungjawab.

✗ Jika anda menjawab Tidak untuk mana-mana soalan, BERHENTI dan TANYA jabatan Undang-undang atau Pematuhan (compliance@kone.com)

Dedicated to People Flow



Versi 5.0

September 2021

© KONE Corporation